

U GB 15-08 00164 BA688

bah

KERJASAMA KOMPONEN BN KRITIKAL UNTUK KEJAYAAN NEGARA MASA DEPAN

Mahathir - MCA

KUALA LUMPUR, 15 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerjasama antara parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) adalah kritikal untuk menentukan kejayaan negara pada masa akan datang.

Perdana Menteri berkata bahawa tidak ada golongan atau gabungan parti di dunia yang lebih berjaya daripada BN yang kini berusia 37 tahun.

+Janganlah kita musnahkan keistimewaan ini, yang menjadi ciri penting BN,+ katanya ketika berucap merasmikan perhimpunan agung MCA di Wisma MCA di sini hari ini.

Dr Mahathir, yang juga pengerusi BN, meminta semua anggota parti komponen supaya tidak mengambil ringan prinsip kerjasama yang telah diusahakan bersama selama ini sebaliknya mereka hendaklah menyuburkannya lagi.

Katanya, kejayaan kerajaan membangunkan ekonomi negara ke tahap yang lebih tinggi dan meningkatkan taraf hidup rakyat berbilang kaum adalah kerana wujudnya kerjasama dan perpaduan yang semakin erat di kalangan semua kaum di semua peringkat. -- Lagi

▼15/08/11-54MST

U GB 15-08 00207 BA689

bah

Mahathir - MCA 2 Kuala Lumpur

+Kemewahan dan nikmat ini tidak mungkin tercapai oleh gabungan tiruan yang lain,+ kata beliau.

Dr Mahathir mengingatkan parti-parti komponen BN supaya berwaspada dengan telatah parti-parti pembangkang seperti DAP yang ingin melihat gabungan itu berpecah dan keliru.

Parti-parti pembangkang seperti DAP lebih suka melihat masyarakat Cina mengasingkan diri dan tidak bekerjasama dengan kaum lain, dan dalam hubungan ini masyarakat Cina tidak harus terpedaya dengan hasutan DAP.

Perdana Menteri berkata, BN tidak boleh bersaing dengan mereka yang ekstrim daripada segi perkauman atau menyalahgunakan agama.

+Kita melihat bagaimana DAP begitu menentang apabila orang Cina memeluk agama Islam tetapi tidak mengambil kisah jika ada orang Cina memeluk agama Kristian umpamanya,+ kata beliau.

Tentangan kepada perkara ini adalah sebahagian daripada sikap pemimpin-pemimpin DAP yang tidak suka kepada agama Islam dan orang Melayu dan oleh itu parti-parti bukan Melayu dalam BN tidak harus berlumba dengan DAP dalam soal itu, katanya.

Dr Mahathir berkata Islam tidak menyuruh sesiapa memeluk agama itu secara paksaan atau penipuan tetapi mereka harus menerimanya dengan rela hati dan jika ada paksaan atau penipuan berlaku, pengembalian mereka yang berkenaan kepada agama asal adalah masalah peribadi mereka sendiri. -- Lagi

▼15/08/11-59MST

U GB 15-08 00174 BA690

bah

Mahathir - MCA 3 Kuala Lumpur

Tidak ada sebab mengapa parti-parti komponen BN harus terperangkap dengan perkara yang sengaja diada-adakan oleh DAP itu.

+Demikian juga dengan hukum Hudud yang digunakan oleh PAS untuk cuba memerangkap UMNO. Hukum Hudud PAS dan Hukum Hudud Islam bukanlah perkara yang sama dan UMNO tetap tidak akan menyokong hukum Hudud PAS,+ kata beliau.

Perdana Menteri berkata, perpaduan yang wujud di negara ini antara lain adalah berasaskan kepada pembangunan yang memastikan bahawa nikmat kekayaan yang dinikmati oleh setiap kaum adalah adil dan saksama.

Semua pihak diberi peluang berniaga dan mungkin kerana inilah masyarakat perniagaan tidak berapa +bising+ terhadap kerajaan dalam soal itu, katanya.

+Kerajaan tidak menghalang masyarakat Cina memajukan perniagaan atau menyekat mereka daripada mendapat pendidikan tetapi mereka hendaklah sedar tentang pentingnya mengambil kira pembahagian hasil ekonomi negara secara sama rata antara kaum,+ kata Dr Mahathir.

Dalam hubungan ini, mereka harus menerima penyertaan kaum bukan Cina secara berkesan dan aktif dalam perniagaan mereka, katanya. -- Lagi

▼15/08/12-10MST

CNS6056

U GB 15-08 00150 BA691

bah

Mahathir - MCA 4 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, kaum Cina tidak harus teragak-agak memberi sokongan kepada kerajaan BN kerana pengalaman menunjukkan jika kaum Cina bersatu dan menyokong BN, cita-cita membangunkan negara dapat dicapai dengan lebih cepat selain menjadikan masa depan mereka lebih cerah.

Program-program pembangunan negara yang dilaksanakan oleh kerajaan selama ini telah memberi manfaat kepada semua kaum dan kesannya kini golongan termiskin semua kaum di negara ini telah dapat dikurangkan.

Perdana Menteri percaya masyarakat Cina akan terus menyokong MCA, yang kini menjadi sebuah parti yang lebih kukuh selain berjaya menjaga kepentingan mereka dalam konteks masyarakat berbilang kaum.

Sokongan ini terbukti dengan kejayaan MCA menggembelng bantuan kewangan masyarakat Cina terhadap Kolej Tunku Abdul Rahman (TAR).

+Saya belum melihat sebelum ini betapa masyarakat Cina tampil ke hadapan menyahut seruan MCA membantu menjayakan sesuatu projek,+ katanya.
-- Lagi

▼15/08/12-11MST

CNS6058

U GB 15-08 00159 BA692

bah

Mahathir - MCA 5 (Akhir) Kuala Lumpur

Beliau berkata, MCA lebih mampu menyatupadukan kaum Cina di negara ini daripada parti-parti pembangkang seperti DAP, yang menjadikan sentimen orang Cina sebagai alat mereka.

+MCA adalah satu rakan penting BN dan hanya gabungan itu sahaja boleh memberi kestabilan dan kemakmuran serta menentukan kekayaan negara diagih-agihkan secara adil kepada semua kaum, termasuk kaum Cina,+ katanya.

Perdana Menteri berharap perhimpunan agung MCA itu akan menghasilkan perbincangan yang bernas tetapi mengingatkan bahawa kebebasan membincangkan apa jua perkara atau isu, yang dibenarkan oleh negara demokrasi, memerlukan sikap bertanggungjawab jika kebebasan itu ingin terus dinikmati.

+Sebagai sebuah negara berbilang kaum, agama dan kebudayaan, kita hendaklah sentiasa memperhitungkan sensitiviti kaum lain dan mengambil kira kepentingan negara dalam membincangkan sesuatu,+ katanya.

Hanya dengan cara ini sahajalah persengketaan dan perpecahan dapat dielakkan, kata Dr Mahathir.

Antara yang hadir ialah pemimpin semua parti komponen BN. -- Bernama

▼15/08/12-12MST